



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

PUSAT TAMHIDI

TEL: 06-798 7019/7011 FAKS: 06-798 7068

MEMO

Kepada : **Staf Akademik**
Pusat Tamhidi
Universiti Sains Islam Malaysia

Rujukan : USIM:2.16/208/1 Jld.4 ()

Daripada: **YBrs. Prof. Madya ChM. Dr.**
Juliana Binti Jamal
Pengarah Pusat Tamhidi

Tarikh : 17 Februari 2022 /
15 Rejab 1443H

PEMAKLUMAN ARAHAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) PUSAT TAMHIDI SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) BERIKUTAN PERLAKSANAAN PERGERAKAN KAWALAN DIPERKETATKAN DI KOLEJ KEDIAMAN USIM

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa berikutan peningkatan kes pelajar USIM yang positif COVID-19 dan menjadi Kontak Rapat, pihak Pengurusan Kolej Kediaman USIM telah memutuskan untuk melaksanakan Pergerakan Kawalan Diperketatkan di Kolej Kediaman USIM.

2. Oleh yang demikian, Pengurusan Pusat Tamhidi **bersetuju aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Pusat Tamhidi** akan dilaksanakan **100% Secara Dalam Talian (Online)** bermula pada **Hari Isnin, 21 Februari 2022** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

3. Sehubungan itu, pemakaian Notis Pengoperasian Pejabat Universiti Sains Islam Malaysia di Pusat Tamhidi adalah **masih lagi berkuatkuasa** dengan pindaan berikut:

Staf Akademik Pusat Tamhidi	<ol style="list-style-type: none">i. Staf Akademik wajib hadir ke pejabat mengikut giliran Minggu Perkulihan Bersemuka sahaja (Minggu Ganjil - TAC + TSU / Minggu Genap - TPPS + TSFT) walaupun kelas dilaksanakan secara dalam talian.ii. Staf Akademik wajib hadir ke pejabat jika diarahkan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penyelaras Program Tamhidi mengikut keperluan.iii. Staf Akademik yang positif COVID-19 dan menjadi Kontak Rapat dibenarkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) sepanjang tempoh kuarantin dan wajib membuat rakam masuk/pulang diaplikasi USIM Mobile Staff dari rumah.
------------------------------------	---

	<p>iv. Staf Akademik yang ada kecemasan dan memerlukan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) perlu mendapatkan kebenaran Pengarah Pusat Tamhidi dan wajib membuat rakam masuk/pulang di aplikasi <i>USIM Mobile Staff</i> dari rumah.</p>
<p>Staf Pentadbiran Pusat Tamhidi</p>	<p>i. Staf Pentadbiran wajib hadir ke pejabat akan ditetapkan mengikut kepada Jadual Penggiliran Mingguan yang akan disediakan.</p> <p>ii. Staf Pentadbiran yang Bekerja Dari Rumah (BDR) wajib membuat rakam masuk/pulang di aplikasi <i>USIM Mobile Staff</i> dari rumah.</p> <p>iii. Staf Pentadbiran yang positif Covid-19 dan menjadi Kontak Rapat dibenarkan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) sepanjang tempoh kuarantin dan wajib membuat rakam masuk/pulang di aplikasi <i>USIM Mobile Staff</i> dari rumah.</p> <p>iv. Staf Pentadbiran yang ada kecemasan dan memerlukan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) perlu mendapatkan kebenaran Pengarah Pusat Tamhidi dan wajib membuat rakam masuk/pulang di aplikasi <i>USIM Mobile Staff</i> dari rumah.</p>

Segala kerjasama dan perhatian daripada YBrs. Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

Yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA ChM. DR. JULIANA BINTI JUMAL
 Pengarah
 Pusat Tamhidi